

## **BAB EMPAT**

### **POTENSI DIALOG PERADABAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Setelah mengetahui kedudukan sebenar hubungan Islam dengan Barat pada zaman silam dan semasa yang umumnya wujud dalam keadaan berkonflik, maka usaha untuk mempertemukan kedua belah pihak ini untuk berdamai menjadi keutamaan yang terdesak. Kaedah pererangan atau menggunakan kekuatan militari untuk menangani isu keganasan oleh puak militan, ekstrimis atau kegiatan kumpulan pemisah (*separatist*) dan sebagainya seperti yang terus berlangsung dewasa ini tidak lagi berkesan. Bahkan apa yang terjadi ialah pendekatan itu hanya mencetuskan lebih banyak ketegangan dan mencambahkan lagi keganasan dalam bentuk-bentuk baru. Justeru, dialog peradaban sebagai satu kaedah atau alat alternatif yang aman mungkin boleh membantu mengatasi masalah ini.

Dalam bab ini, penulis ingin menumpukan kepada natijah-natijah positif hasil daripada penganjuran dan penginstitusian dialog peradaban dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dalam masyarakat antarabangsa, khasnya yang membabitkan hubungan umat dan negara Islam dengan masyarakat dan kerajaan Barat.

## **4.2 Peserta Dialog Peradaban**

Sebagai suatu konsep dan gagasan yang besar, penyertaan semua pihak di setiap peringkat adalah penting. Namun, sebagai permulaan atau di peringkat awal ini, aktiviti dialog ini boleh bermula dengan pembabitan pihak-pihak yang mempunyai autoriti dan boleh memberi sumbangsan dan kesan serta pengaruh yang besar ke atas hala tuju dan corak aktiviti dan tindakan susulan hasil daripada dialog yang diadakan.

Oleh kerana konflik semasa Islam dengan Barat sedang berlaku pada skala global, dialog peradaban sewajarnya telah menjadi aktiviti peringkat antarabangsa yang digerakkan oleh PBB. Dalam konteks ini, setelah menyedari konflik yang tercetus antara Islam dengan Barat, pentas dialog atas nama agama dan kebudayaan hendaklah selalu dibuka. Pada tahap ini, sungguhpun aspek politik menjadi elemen perubahan masyarakat yang penting dan berkesan, akan tetapi oleh kerana kemelut yang berlaku angkara kerja dan seni politik yang kotor, ia wajar dielakkan buat sementara sehingga keadaan mengizinkan. Justeru, pihak-pihak yang mempunyai autoriti atau diiktiraf oleh masyarakat atau mewakili satu-satu peradaban mestilah bersedia untuk duduk di meja dialog. Pada peringkat ini, selain daripada kerajaan atau pihak berkuasa yang mewakili peradaban Islam dan Barat, mungkin kumpulan masyarakat minoriti yang berkenaan boleh dilibatkan sama. Misalnya dalam kes umat minoriti Islam di negara-negara Eropah yang terperangkap dalam isu-isu mengamalkan kebebasan beragama. Suara golongan ini tidak wajar dikesampingkan atas alasan kuasa terletak di tangan kerajaan.

Di samping itu, peserta dialog juga wajib meliputi golongan cendekiawan atau sarjana dalam disiplin ilmu berkaitan. Pada hemat penulis, kelompok ini boleh memainkan peranan yang amat substantif kerana mereka boleh mengemukakan pandangan secara ilmiah dan objektif. Melalui huraian komprehensif dan konklusif, pertukaran dan perkongsian maklumat dan ilmu di kalangan mereka akan memperbetul dan turut memperkayakan pemahaman terhadap perbezaan yang telah wujud secara semulajadi dan yang tercipta secara evolusi ke atas setiap peradaban tersebut. Suluhan melalui kepakaran ilmu mereka lebih jelas tanpa selindung, mencerahkan kekaburuan seperti yang sentiasa menyelaputi kaca mata kedua pihak ini seperti penyakit *Islamophobia* atau *westophobia*. Penemuan-penemuan fakta baru hasil kajian-kajian ilmiah tulen dan berwibawa wajar diketengahkan untuk dikongsi bersama semua pihak.

Sehubungan dengan ini sarjana-sarjana tersohor dunia, dari kalangan Islam dan Barat, hendaklah dilibatkan sebagai peserta utama dialog. Di pihak Barat, orientalis yang lebih objektif, tidak bias, dan sentiasa menggunakan fakta sebenar sejarah sebagai hujah akademik dipilih bergandingan dengan sarjana Barat lain. Nama-nama seperti John. L. Esposito dan Karen Armstrong adalah antara sarjana Barat yang boleh memberikan sumbangan sedemikian. Bagi pihak Islam, ulamak dan cendekiawan yang dihormati di kalangan dunia Islam seperti Profesor Dr Yusof al-Qardhawi, Taha Jabir Al-Awani dan seumpamanya dapat dijemput untuk membentangkan pandangan Islam. Pertubuhan Islam berpengaruh dunia seperti *International Institute of Islamic Thought* di Washington dapat berperanan dalam menganjurkan sesi dialog Islam-Barat. Lebih daripada itu ialah kita mengharapkan petunjuk dari Tuhan dan bertawakal agar semua pihak yang terbabit

kembali dan menuju kepada kebenaran ajaran agama masing-masing yang menganjurkan perdamaian dan kesentosaan.

Banyak manfaat boleh dicapai apabila semua pihak benar-benar menghayati nilai intrinsik diri iaitu kejujuran, mengutamakan kebenaran, tidak cepat menghukum (*judgemental*), di samping pra-syarat terpenting iaitu keikhlasan. Penulis mendapat banyak kajian dan perakuan dibuat oleh sarjana Barat sendiri mengenai fakta dan hakikat sebenar Islam dan peradabannya dapat disiar dan disebarluaskan kepada masyarakat umum dan tidak terbatas kepada dunia akademik sahaja. Misalnya sekadar beberapa contoh ialah Jacob Bronowski<sup>1</sup>, Karen Armstrong dan John L. Esposito.

### **4.3 Etika, Adab dan Kesantunan Dalam Dialog Peradaban**

Oleh kerana peserta dialog peradaban berasal daripada pelbagai latar budaya dan kepercayaan hidup, kemungkinan permasalahan yang timbul adalah besar hingga menyukarkan usaha membawa semua pihak ke meja perundingan bagi tujuan berdialog. Tidak mungkin dialog boleh berlangsung dalam keadaan bebas tanpa syarat atau terikat kepada piawaian dari satu pihak yang berdialog kerana ini hanya akan menyebabkan dialog tiada penghujung atau batasannya. Ia juga boleh menjurus kepada memenuhi kehendak satu pihak sahaja demi kepentingan strategik atau politik. Juga, akhirnya

---

<sup>1</sup> Beliau yang telah menulis buku bertajuk *The Ascent of Man* (Boston: Little Brown, 1973) merupakan antara sarjana dan pengulas Barat terawal dalam akhir kurun ke-20 yang mengiktiraf sumbangan Arab [Islam] dalam perkembangan peradaban manusia. Lihat nota kaki (34), buku Erskine B. Childers, *Islam dan Barat : Antara Nyanyuk dan Benci* (Pulau Pinang: Citizen International, 2003), hlm. 47.

objektif perkongsian untuk hidup bersama dalam menikmati kedamaian, kesentosaan dan kesejahteraan tidak akan tercapai berikutan wujudnya agenda hegemoni satu pihak, sepetimana yang dipamerkan oleh tindakan dan sikap AS.

Bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan dialog peradaban, panduan-panduan berupa prinsip atau rukun tertentu mestilah digubal dan dipatuhi oleh semua peserta dialog. Dr. Vincent J. Cornell atau nama Islamnya Mansur al-Mujahid dari Duke University AS menyarankan tiga prinsip asas yang praktikal iaitu pertama, penerimaan hakikat bahawa kita hidup dalam dunia yang sama. Prinsip ini begitu sinonim dengan hemat Pramoedya Ananta Toer bahawa “Bumi ini Untuk Semua”.<sup>2</sup> Kedua, dengar, bukan berdakwah. Dan ketiga, saling hormat-menghormati dan bersikap ihsan terhadap sesama insan.<sup>3</sup> Profesor Dr. Hashim Haji Musa dari Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya pula memperincikan etika, adab dan kesantunan yang akan mengawal tatacara dialog, bahasa lisan, perilaku dan batasan-batasan tertentu yang perlu dijaga seperti berikut:<sup>4</sup>

4.3.1 Mengiktiraf kepelbagaian anutan dan kepercayaan hidup (pluralisme agama) dan menghormati perbezaan pendapat sebagai suatu yang lumrah dan semulajadi. Semua pihak wajib mengakui bahawa pada asasnya perbezaan pendapat adalah suatu yang lumrah dan bersifat tabii. Pengalaman dalam sejarah kehidupan

---

<sup>2</sup> Dewan Masyarakat, Oktober 2001

<sup>3</sup> Untuk huraian lanjut lihat tulisan Asst. Prof. Dr. Vincent J. Cornell bertajuk “Towards A Cooperation Among People of Different World Religions: Muslim/Non-Muslim Cooperation-Perspectives From History and Religious Studies” dlm *Towards A Positive Islamic World-View: Malaysian and American Perceptions* (Kuala Lumpur: IKIM 1997), hlm. 98-100

<sup>4</sup> Profesor Hashim Hj. Musa, *Islam dan Dialog Antara Peradaban: Konsep dan Idealisme*, Kertas kerja dalam Perbincangan Meja Bulat “Islam dan Dialog Peradaban”, anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 23 Disember 2003

manusia mengajar kita bahawa perselisihan adalah suatu yang tidak boleh dielak kerana setiap masyarakat lahir dan berkembang dalam persekitaran berbeza. Budaya dan tamadun yang terbentuk kemudianya adalah terasas daripada pembinaan world-view yang berbeza. Fenomena ini lebih-lebih lagi benar dalam suasana hari ini yang lebih kompleks dan rencam di mana percambahan disiplin ilmu dan pemikiran manusia berlaku dengan lebih pesat. Dari sudut Islam, Hassan al-Banna meletakkan prinsip “*Menjauhi perkara-perkara yang diperselisihkan*” bagi mengelakkan jurang perbezaan sedia ada menjadi lebih besar.<sup>5</sup>

- 4.3.2 Mengelak amalan mencemuh dan memomok budaya dan agama lain (*cultural and religious ridicule and demonisation*). Sebaliknya memulangkan segalanya kepada Tuhan bagi penentuan kebenaran hakiki. Dalam hal ini Al-Quran menjelaskan (bermaksud) :

“*Anda tidak bertanggungjawab tentang kesalahan yang kami lakukan, dan kami tidak bertanggungjawab tentang kesalahan yang anda lakukan. Katakanlah bahawa Tuhan akan menghimpunkan kita semua (pada hari Kiamat), kemudian memutuskan perselisihan antara kita dengan kebenaran. Dan Dialah Tuhan yang Maha Pengadil yang Maha Mengetahui.*”<sup>6</sup>

- 4.3.3 Berhemah tinggi, bersopan santun dan berbudi bahasa yang baik ketika berdialog, sepetimana yang diseru Allah dalam firmanya yang bermaksud :

---

<sup>5</sup> Walaupun Hassan Al-Banna menyentuh hal ini dalam konteks agama, namun prinsip ini masih boleh diaplikasi dalam semua keadaan lain. Ini kerana anjuran ini difikirkan berupaya meredakan punca keretakan perpaduan yang sedia terbina atau sedang dibina dalam mana-mana masyarakat.

<sup>6</sup> Al-Quran, 32:25-26

*“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik.”*

4.3.4 Biarpun pluralisme agama diterima sebagai suatu kenyataan, namun pada masa yang sama kita harus menolak dan menafikan kewajaran relativisme dan sinkritisme dalam agama. Ini adalah kerana konsep ini sendiri bercanggah dengan aqidah Islam, dan tidak mungkin persoalan pokok atau prinsip ini dikompromi demi untuk menerima pluralisme dalam agama. Dalam Islam, kebenaran itu adalah mutlak di sisi Allah s.w.t. Oleh itu, menerima Islam, bagi orang Islam bermakna menerima dan memperakui perbezaan aqidah, ibadah dan hukum hakam yang terdapat dalam wahyu Allah dan sunnah Muhammad s.a.w. Persoalan yang bersangkutan pengalaman dan amalan rohani sepatutnya menjadi hak persendirian Islam<sup>7</sup> dan juga, jika ada, agama-agama lain. Dalam lain perkataan juga, semua umat beragama hendaklah diberikan hak ‘*spiritual privacy*’<sup>8</sup> tanpa boleh dipertikai kemunasabahannya.

4.3.5 Mencari dan mengutamakan titik persamaan yang sepunya dan sejagat. Aspek ini sememangnya terdapat dalam agama dan budaya semua masyarakat dunia seperti aspek moral, etika, kekeluargaan, kebajikan, pembangunan kemanusiaan, ekonomi, sains teknologi dan prasarana.

---

<sup>7</sup> Seperti yang tersurat dalam firman Allah (109:6) bermaksud: “*Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.*”

<sup>8</sup> Hal ini telah dinyatakan oleh Ust. Muhammad Uthman el-Muhammady sewaktu beliau membentangkan kertas kerjanya bertajuk *Dialog Peradaban dalam Islam: Konsep dan Idealisme* di Persidangan Meja Bulat ‘Dialog Antara Agama’, anjuran Pusat Dialog Peradaban pada 23 Disember 2003 lalu.

Profesor Malcom Stewart, bekas pensyarah Etika dan Agama di Illinois College menyatakan perlunya semua pihak mencari dan menumpu kepada titik-titik persamaan daripada perbezaan yang sedia wujud, seperti yang disebut beliau “*the beginning point is to emphasize the similarities, the likenesses, the agreements, not the differences.*”<sup>9</sup> Ciri-ciri universal yang dimaksudkan ialah :<sup>10</sup>

- (a) semua insan berasal dari keturunan nenek moyang yang sama iaitu Adam dan Hawa (*common human ancestry*),
- (b) satu kemanusiaan sejagat (*a common humanity*),
- (c) kebaikan fitrah kejadian manusia sejagat (*universal innate goodness of mankind*),
- (d) Anugerah sejagat daripada Tuhan kepada umat manusia (*universality of Divine favours to the human race*),
- (e) Hikmah dalam kepelbagaian bangsa dan budaya (*the wisdom of ethnic and cultural pluralism*),
- (f) Kerjasama antara budaya untuk memenuhi kebaikan bersama bagi semua umat manusia,
- (g) Keadilan sejagat bagi umat manusia,
- (h) Tanggungjawab bersama dalam menjaga alam sekitar,
- (i) Kesamaan gender dalam pengabdian kepada Tuhan dan ganjaranNya,
- (j) Institusi kekeluargaan dan penghormatan terhadap orang tua,
- (k) Nilai-nilai moral (keperibadian) yang murni (*sifat mahmudah*) dan sejagat seperti baik hati, berhemah tinggi, hormat-menghormati, simpati dan empati, keadilan, keberanian, kebenaran, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajian, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat.

---

<sup>9</sup> Petikan daripada tulisan Paul Findley bertajuk *The Image of Islam in The West* dalam laman web Washington Report on Middle East Affairs.([www.washington-report.org/backissues/0697/9706036.htm](http://www.washington-report.org/backissues/0697/9706036.htm))

<sup>10</sup> Lihat Profesor Hashim Hj. Musa, hlm 5-7. Untuk dalil naqli bagi menyokong ciri-ciri universal ini lihat halaman 7-9

Di samping itu, panduan etika berdialog antara peradaban telah pun menjadi perhatian pemikir dunia dan peserta-peserta dialog di peringkat antarabangsa. Dokumen-dokumen penting mengenainya telah pun disediakan hasil diskusi dan diperhalusi dalam persidangan *Parliament's of the World's Religions* yang diadakan pada tahun 1993 di Chicago AS.

Hasil persidangan tersebut, Profesor Hans Keung, sebagai pelopor kepada usaha mewujudkan peradaban sejagat (*universal civilization*)<sup>11</sup> ini telah menggariskan prinsip dan rukun utama yang perlu diikuti oleh peserta dialog. Beliau bersama K.J. Kuscel telah menyunting sebuah dokumen penting mengenai etika berdialog bertajuk *A Global Ethic: The Declaration of the Parliament of the World's Religion*. Buku ini yang disarati dengan prinsip dan garis panduan yang dipersetujui bersama semua agama di dunia bermatlamat untuk menyedarkan tentang persamaan sedia ada di antara semua agama di Barat, Timur, Utara dan Selatan. Etika global ini diharap dapat mengatasi perselisihan dogmatisme dan ketidaksediaan bertolak ansur (*dogmatic disputes and intolerable self-opinionatedness*)<sup>12</sup> yang sering menghalang pertemuan dan penerimaan pelbagai budaya dan agama ini.

Semua pihak, sama ada beragama atau pun tidak, dipelawa menerima etika global ini dan menggunakannya dalam kehidupan praktikal mereka. Berikut ialah deklarasi tersebut.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Hans Keung, "Towards A Universal Civilazation" dlm *Towards A Common Civilization*, Public Lectures by Hans Keung and Kamal Hassan (Kuala Lumpur: IKIM, 1997), hlm. 1. Dalam syarahan ini, beliau menyatakan bahawa alaf ke-21 akan datang adalah alaf dunia (*world century*) yang tidak memihak kepada mana-mana kuasa seperti Eropah, Amerika maupun Asia.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 12-13

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 13

*“On the basis of personal experiences and the burdensome history of our planet we have learned :*

- *that a better global order cannot be created or enforced by laws, prescriptions, and conventions alone;*
- *that the realization of peace, justice and the protection of earth depends on the sight and readiness of men and women to act justly;*
- *that action in favour of rights and freedom presumes a consciousness of responsibility and duty, and that therefore both the minds and hear-says of women and men must be addressed;*
- *that rights without morality cannot long endure, and that there will be no better global order without global ethics.”*

Bagi memenuhi deklarasi di atas, dua tuntutan asas telah dimajukan iaitu :<sup>14</sup>

1. *“Every human being (white or coloured, man or woman, rich or poor) must be treated humanely.”*
2. *“What do you wish done to yourself, do not do to others!” (found in already in the Saying of Confucius and practically in every great religions tradition on earth).*

Bersandarkan perkara di atas, empat saranan berikut telah dikembangkan di mana kesemua agama mempersetujuinya:<sup>15</sup>

1. *Commitment to a culture of non-violence and respect for life: “You shall not kill!” Or in positive terms : “Have a respect for life!”*
2. *Commitment to a culture of solidarity and a just economic order: “You shall not steal!”*
3. *Commitment to a culture of tolerance and a life of truthfulness: “You shall not lie!” Or in positive terms: “Speak and act truthfully!”*

---

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 14

<sup>15</sup> *Ibid.*

4. *Commitment to a culture of equal rights and partnership between men and women: "You shall not commit sexual immorality!" Or in positive terms: "Respect and love one another!"*

Menurut *Parliament of Religions* jika semua pihak yang berkaitan benar-benar beriltizam terhadap etika global ini seperitimana iltizam mereka ke atas manfaat sosial, pemeliharaan keamanan dan gaya hidup mesra di kalangan masyarakat dunia, usaha sepadu berikut mestilah dilaksanakan :<sup>16</sup>

1. *clearing up misunderstandings;*
2. *working through traumatic memories*
3. *dissolving hostile stereotypes ;*
4. *working through guilt complexes, both socially and individually;*
5. *demolishing hatred and destructiveness;*
6. *reflecting on things that are held in common;*
7. *taking concrete initiatives for reconciliation.*

Bagi Islam, segala seruan atau saranan yang mengajak kepada permuaafakan dan persefahaman untuk mewujudkan keadaan aman dan sejahtera dalam masyarakat dunia adalah suatu yang disokong dan pastinya Islam sendiri menyumbang ke arah itu kerana Islam itu, melalui syariat Nabi Muhammad s.a.w., diutuskan untuk seluruh umat manusia sebagai rahmat<sup>17</sup> dan sumber keberkatan hidup. Kebaikan Islam tidak terkhusus kepada umat Islam, bahkan kesannya apabila ia diterima dan dilaksanakan, secara tidak langsung, juga akan singgah ke atas umat lain juga. Dalam menegakkan kehidupan cara Islam ini, dalam bentuknya yang tulen, ia memberi hak dan hingga ke satu tahap,

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 15

<sup>17</sup> Allah berfirman (bermaksud) : "Tidak aku diutuskan melainkan untuk membawa rahmat ke sekalian alam."

melindungi orang bukan Islam (sebagai *kafir dhimmi*) dalam negara Islam menjadi tanggungjawab yang wajib ditunaikan. Oleh yang demikian, etika global yang dirumuskan oleh *Parliament of Religion* tersebut adalah suatu pencapaian yang boleh diakirat oleh Islam<sup>18</sup> setakat mana ia tidak menyanggahi batas aqidah Islam dan prinsip-prinsip utama dalam syariatnya. Pengkaji berpendapat kepercayaan atau agama lain juga mempunyai dalil yang menyokong usaha ke arah perdamaian sejagat walaupun pada kadar atau tekanan yang berbeza.

#### 4.4 Hasil Penganjuran Dialog Peradaban

Mengambil kira pendekatan agama - yang asli dan tidak tercemar dengan pemikiran dan nafsu manusia - sebagai suluhan dan petunjuk terbaik, terutamanya agama langit, penulis percaya bahawa dialog peradaban yang lebih efektif akan memenuhi matlamat-matlamat suci yang bersifat sejagat. Ianya bukanlah pencapaian bersifat eksklusif yang mengakibatkan ‘keadaan kalah-menang’ tetapi natijah inklusif yang mewujudkan ‘keadaan menang-menang’ kepada semua pihak terbabit. Usaha *Parliament of Religion* menghasilkan etika global adalah suatu yang kontributif dan konstruktif dalam menyatupadukan ajaran terbaik dari setiap agama<sup>19</sup> ke arah keamanan sejagat.

---

<sup>18</sup> Al-Qur'an sebagai wahyu Allah lengkap dengan dalil yang menyokong etika global ini. Lihat dalil-dalil tersebut seperti yang dikemukakan oleh Profesor Muhammad Kamal Hassan dalam syarahannya bertajuk “Towards A Common Civilization” yang termuat dalam buku *Towards A Common Civilization*, hlm 36-38

<sup>19</sup> Etika global ini tidak bermotifkan agenda untuk menghasilkan ideologi, kepercayaan atau anutan baru bagi menggantikan apa yang sedia ada dalam setiap agama. Justeru, ia akan tidak akan menggantikan ajaran dalam Taurat, al-Qur'an, Injil, Bhagavadgita, kata-kata Buddha dan ajaran Konfusius. Etika ini hanyalah keperluan minima nilai-nilai, piawaian dan sikap yang boleh dikongsi bersama. Lihat Hans Keung dalam syarahannya *Towards A Universal Civilization*, hlm.7

Dengan melihat kepada Islam sahaja, sebagai contoh petunjuk utama dalam hal ini, banyak matlamat positif kepada kedamaian dan perpaduan antara masyarakat pelbagai peradaban dapat direalisasikan. Dalam Islam perhubungan sesama manusia menjadi sangat intim, mesra dan utuh ikatannya apabila ia terjalin dalam bentuk ukhuwah atau persaudaraan tanpa disempadani oleh warna kulit, keturunan, etnik, budaya, geografi dan politik – terkecuali aqidah. Beberapa matlamat positif<sup>20</sup> yang boleh dicapai melalui dialog ini ialah ia menjadi wasilah atau saluran untuk menimbulkan perasaan keamanan – suatu yang sangat seni dalam hati – kepada insan. Ini dinyatakan Allah dalam firmanya yang bermaksudnya :

*“Dan jika seseorang di antara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, maka lindungilah ia supaya ia sempat mendengar kalamullah (kebenaran dari al-Qur'an), kemudian hantarkanlah ia ke tempat yang aman baginya. Demikianlah itu disebabkan mereka kaum yang tidak mengetahui”.*<sup>21</sup>

Firman Allah ini secara tersurat turut merangkumi penggunaan kaedah dialog untuk menawarkan perlindungan kepada penganut agama dan mereka dari pelbagai tamadun melalui kebenaran dan keagungan Islam. Dalam satu ayat lain pula yang bermaksud :

*“Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”*

Jelas sekali bahawa Islam menyeru dan menjadi sumber kedamaian dan keharmonian kepada sesiapa yang berkehendakkannya. Di samping itu, dialog turut berperanan, secara

<sup>20</sup> Lihat Profesor Dr. Abdullah@Alwi Haji Hassan, *Dialog Peradaban : Praktik dan Kerelavannya Hari ini*, Kertas kerja dalam Perbincangan Meja Bulat “Islam dan Dialog Peradaban”, anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, 23 Disember 2003

<sup>21</sup> Al-Qur'an, Al-Tawbah (9):6

tidak langsung, sebagai wasilah dakwah dalam rangka usaha para *dawah* untuk mengenangkan Islam sebagai satu cara hidup yang sesuai untuk pembinaan peradaban manusawi yang tinggi berasaskan *aqidah rabbani*.<sup>22</sup> Ini terakam dalam firman Allah yang bermaksud : “ Allah menyeru (manusia) kepada Darussalam (syurga kedamaian atau keselamatan), dan menunjuki orang yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus (Islam). ”<sup>23</sup>

Dialog juga boleh menggerakkan usaha ke arah penyatuan antara tamadun berasaskan agama langit (*al-Adyan al-samawiyyah* atau *Abrahamic faiths*). Kebaikan ini disuratkan Allah dalam firmanNya yang bermaksud :

“Katakanlah: Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai Tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka : Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)”.<sup>24</sup>

Namun, dalam konteks masyarakat antarabangsa yang bukan Islam, mungkin memadai menjadikan isu kemanusiaan sebagai faktor penyatu masyarakat antarabangsa. Faktor ini boleh menjadi faktor yang sepunya dan normatif bagi mewujudkan keprihatinan yang serupa. Isu Palestin dan Iraq adalah contoh terbaik yang menunjukkan sokongan dan keprihatinan sangat masyarakat antarabangsa. Demonstrasi dan segala bentuk tentangan terhadap tindakan unilateralisme AS dan sekutunya termasuk Israel

<sup>22</sup> Lihat Profesor Dr. [Abdullah@Alwi](mailto:Abdullah@Alwi) Haji Hassan, hlm. 4

<sup>23</sup> Al-Quran, Surah Yunus (10):25

<sup>24</sup> *Ibid.*, Ali-Imran (3) : 64

menjadi hujah bahawa aspek kemanusiaan adalah pendorong kuat pembabitan semua warga negara sedunia menentang ketidakadilan dan kekejaman. Perkara ini telah dinyatakan oleh Shaikh Ghazanfar, seorang sarjana dan pakar dalam pengaruh Arab-Islam ke atas masyarakat semasa dan klasik dahulu, dalam *International Medieval Congress Conference* di Leeds, England pada musim panas 2001 melalui kertas kerjanya bertajuk “*Civilizational Dialogue: Medieval Social Thought, Latin European Renaissance, and Arab-Islamic Influences.*”. Antara lain beliau menegaskan : “*Today there is all the more reason for dialogue – of the genuine kind where nations really talk to each other without intimidation, power-plays or monologues of positioning,*” Kemudian beliau menambah : “*It's time for humanitarian empathy, recognizing that all of our pain is the same. In the end, what matters is humanity.*”<sup>25</sup>

Hal yang sama telah ditunjukkan lebih awal lagi dalam isu apartheid di Afrika Selatan sebelum ini. Kesan daripada kempen dan tentangan anti-apartheid yang meluas di peringkat antarabangsa telah berjaya menjatuhkan sistem politik, undang-undang dan sosial yang diskriminatif. Kini Afrika Selatan telah menjadi negara demokrasi yang melayani dan memberikan hak sama rata semua warga negaranya tanpa wujudnya lagi diskriminasi ke atas kaum kulit hitam oleh kaum kulit putih. Namun semua ini tercapai melalui usaha bersepadu yang melibatkan bukan sahaja kaedah dialog tetapi juga meliputi pendekatan demonstrasi, tekanan masyarakat dan organisasi antarabangsa.

---

<sup>25</sup> Lihat *Register*, University of Idaho Faculty & Staff Newsletter, October 26, 2001, Volume 13, Number 30

Dalam konteks ini, jelas bahawa dialog peradaban dapat menggantikan peperangan atau penggunaan kuasa militari atau menjadi alternatif yang sesuai kepada idea kontroversi Huntington iaitu pertembungan peradaban. Namun, ada keadaan-keadaan tertentu di mana dialog peradaban mempunyai batasannya, bahkan langsung tidak boleh diaplikasi. Misalnya dalam kes konflik yang sedang berlangsung di Palestin di antara umat Islam Palestin dengan regim Zionis Israel, dialog bukanlah satu kaedah yang wajar dan sesuai untuk penyelesaian kepada konflik yang telah bermula sejak tahun 1948 apabila tertubuhnya negara Israel. Sebaliknya, oleh kerana kekuatan dari segi persenjataan dan prasarana yang tidak setara, dan kezaliman terus dilakukan oleh regim Israel ke atas penduduk Islam Palestin yang lemah, penentangan terbuka atas nama jihad termasuk melakukan serangan bom berani mati<sup>26</sup> telah digunakan dalam *intifadha* mereka untuk mengusir penduduk Yahudi keluar dari tanahair mereka. Tulisan oleh Adian Husaini dalam laman web Al-Islam berikut menjelaskan isu ini :<sup>27</sup>

*“Di Palestina, para mujahid Palestina bekerjasama dengan kalangan Kristen Ortodoks dalam melawan Zionis Israel. Dalam situasi kaum Muslim yang terjajah dan terzalimi, baik oleh penjajah asing maupun kolaboratornya di negeri-negeri Islam, maka dialog menjadi barang yang mahal. Bagaimana dialog bisa dilangsungkan di Palestina, sementara hampir setiap hari Israel melakukan perburuan terhadap aktivis Islam, dan terus mencengkam wilayah jajahannya?”*

---

<sup>26</sup> Lihat kajian mengenai tindakan serangan bom berani seperti yang dilakukan oleh pejuang Islam di Palestin oleh Mohd. Johari Hussain, *Serangan Berani Mati Menurut Perspektif Siasah Syar’iyah: Sebuah Kajian Akademik Peringkat Sarjana* (Kuala Lumpur: Sinar Media Services, 2004), hlm. 122-123. Pengkaji telah menyimpulkan bahawa amalan Operasi Serangan Pengebom Berani Mati di kalangan rakyat Palestin di bumi Palestin (khusus) adalah harus di sisi syarak. Ini adalah pendapat terpilih berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan oleh ulama muktabar semasa.

<sup>27</sup> Adian Husaini, *Dialog Islam-Barat, Apa perlu? Catatan untuk Suksidi*, Pusat Informasi dan Komunikasi Islam Indonesia. Lihat ([www.alislam.or.id](http://www.alislam.or.id))

Oleh yang demikian, umat Islam beriman dengan kewajipan mempertahankan wilayah Islam apabila diserang, dan tidak boleh bersandar dan bergantung kepada kaedah yang defensif semata-mata. Apabila kedaulatan tergugat dan akidah Islam cuba dihancurkan, *jihad qital* menjadi *taklif* ke atas setiap individu Islam. Prof. Muhammad Abu Zahrah dalam bukunya bertajuk Hubungan-hubungan Internasional Dalam Islam menyatakan : “*Perang (jihad) dalam mempertahankannya (negeri Islam) adalah satu fardhu kifayah, bila musuh belum lagi memasuki negara itu. Tetapi apabila musuh telah memasukinya, perang waktu itu menjadi fardhu ‘ain bagi setiap orang Islam.’*”<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> *Ibid.* Juga lihat hujah-hujah yang lebih komprehensif dari sumber al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. mengenai kewajipan berjihad di medan perang dalam buku Dr. Louay Fatoohi, *Jihad in the Qur'an: The truth from the Source* Revised and expanded Second Edition (Kuala Lumpur: A.S.Nordeen, 2004)